

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

YMT 202 - Media dan Masyarakat

Tarikh: 12 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

BAHAGIAN A

Pilih 1 (SATU) daripada soalan-soalan berikut:

SAMA ADA

- a. Menurut keratan akhbar, "A co-operative Press can be critical of Govt" (New Sunday Times, 20 September, 1987), Perdana Menteri Malaysia berkata media massa yang selama ini telah memberi kerjasama kepada kerajaan boleh mengkritik kerajaan. Walau bagaimanapun, beliau memberi peringatan bahawa media massa juga mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan keamanan dan harmoni dalam negara.

Bincangkan hujah beliau.

ATAU

- b. Menurut Schramm, dalam sesebuah negara yang sedang membangun, media massa berperanan sebagai jaga/pengawal (watchman). Bincangkan.

BAHAGIAN B

Jawab 4 (EMPAT) soalan sahaja.

1. Bincangkan cogankata, "RTM, teman setia anda."
2. Aliran maklumat boleh dibendung melalui pengurusan berita. Bincangkan lima cara pengurusan berita dilakukan.

...2/-

3. Dalam rancangan-rancangan TV terbitan RTM, terutamanya rancangan hiburan dan drama, kita dapat menonton para penghibur dan dramatis dari berbilang kaum. Sejauh manakah langkah ini boleh memupuk perpaduan? Perlukah RTM mempertingkatkan lagi usaha-usahanya ke arah matlamat tersebut? Bincangkan.
4. Pengkritik media berpendapat media massa boleh meruntuhkan akhlak sesebuah masyarakat. Bincangkan pendapat ini berdasarkan teori-teori "kesan" media.
5. Wajarkah "halaman wanita" diteruskan di media massa? Bincangkan.

-ooooooo-